

BAB 4

PENEMUAN KAJIAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan membentangkan kedapatan kajian atau hasil kajian. Pada permulaannya bab ini akan menerangkan profil atau karakteristik responden mengikut tempoh perkhidmatan, pangkat, kelayakan akademik dan sama ada responden pernah menghadiri sebarang kursus perakaunan. Kemudiannya dibentangkan keputusan analisa deskriptif ke atas item-item dalam pembolehubah tetap kawalan dalaman. Pada peringkat awalnya pengkaji melakukan ujian Normaliti dan Lineariti bagi menentukan kesemua pembolehubah mempunyai taburan yang normal. Ujian ke atas kesahihan dan keesahan pembolehubah juga dilaksanakan bagi menentukan data yang diperolehi adalah tepat dan boleh dipercayai. Pada peringkat kedua pula ujian *one-way* ANOVA dan Ujian-*t* akan dilakukan dalam membuat evaluasi perbezaan antara pembolehubah bebas ke atas pembolehubah tetap bagi mendapatkan jawapan kepada persoalan kajian.

4.1.1 Ujian Normaliti dan Lineariti

Bagi menentukan kesahihan pembolehubah yang digunakan di dalam kajian ini, ujian normaliti telah dilakukan kepada setiap pembolehubah. Keputusan ujian seperti di Jadual di bawah. Ianya menunjukkan bahawa

semua pembolehubah mempunyai min, median dan mod yang hampir sama. Ini membuktikan bahawa ianya berada dalam taburan yang normal serta sesuai untuk dianalisis bagi kajian ini seterusnya.

Jadual 4.1: Ujian Normaliti Pembolehubah

Pembolehubah	Min	Median	Mod	Sisihan Piawai	Kepencunggan
Kawalan Am	32.4	30.0	30	3.2	1.1
Penerimaan Wang	15.8	16.0	16	2.1	0.7
Pengeluaran Wang	32.5	31.0	31	4.2	0.3
Penyesuaian	26.3	25.0	25	2.6	1.0

Terdapat beberapa cara untuk menguji kenormalan dalam taburan data-data yang diperolehi. Berdasarkan ujian kenormalan yang telah dilakukan dengan menggunakan Histogram, *Normal Q-Q Plot* dan *Deterended normal Q-Q Plot*, ianya menunjukkan bahawa data-data yang dikutip mempunyai taburan yang normal.

4.2 PROFIL RESPONDEN

Sebanyak 150 responden diterima daripada 210 soalselidik yang diedarkan. Data-data yang dimasukkan telah telah diperiksa dan tidak terdapat sebarang kesilapan (error) semasa kemasukan data ke dalam jadual frekuensi. Jumlah yang dihasilkan (output) betul dan memaparkan banjaran seperti yang dikehendaki. Ini bermakna didapati tiada sebarang kesilapan semasa proses kemasukan data.

4.2.1 Tempoh Khidmat Responden

Berdasarkan kepada tempoh khidmat, majoriti pegawai yang dipilih sebagai responden terdiri daripada mereka yang telah berkhidmat selama 6 hingga 10 tahun iaitu seramai 42 orang (28.0%). Tempoh perkhidmatan tersebut dari segi pengalaman dalam kerjaya tentera lazimnya adalah bersesuaian bagi pegawai yang berpangkat Kapten ke bawah. Seterusnya responden yang telah berkhidmat selama 11 hingga 15 tahun meliputi 37 orang atau 24.7%. Seramai 31 (20.7%) pegawai merupakan mereka yang berkhidmat kurang dari 5 tahun. Jumlah minimum responden adalah pegawai yang telah berkhidmat selama 26 tahun atau lebih iaitu seramai 6 orang atau 4%. Jadual 4.2 menunjukkan taburan responden mengikut tempoh khidmat.

Jadual 4.2: Frekuensi Mengikut Tempoh Khidmat

Tempoh Khidmat	Frekuensi	Peratus (%)
5 tahun ke bawah	31	20.7
6-10 tahun	42	28.0
11-15 tahun	37	24.7
16-20 tahun	22	14.7
21-25 tahun	12	8.0
26 tahun ke atas	6	4.0
Jumlah	150	100.0

4.2.2 Pangkat

Mengikut taburan pangkat, pegawai yang berpangkat Kapten merupakan responden yang tertinggi iaitu seramai 71 orang (47%) dan diikuti

dengan pegawai berpangkat Mejar, 42 orang atau 28%. Jadual 4.3 menunjukkan taburan responden mengikut tempoh khidmat.

Jadual 4.3 : Frekuensi Mengikut Pangkat

Pangkat	Frekuensi	Peratus (%)
LtM/Lt	20	13.3
Kapt	71	47.3
Mej	42	28.0
Lt Kol/Kol	17	11.3
Jumlah	150	100.0

4.2.3 Kelayakan Akademik

Daripada 150 orang pegawai yang dipilih sebagai responden, 60 orang (40%) memiliki Diploma atau setaraf diikuti dengan 38 orang (25.3%) yang berkelulusan SPM dan selebihnya berkelulusan Sarjana Muda atau Sarjana dan setaraf (Jadual 4.4).

Jadual 4.4 : Frekuensi Mengikut Kelayakan Akademik

Kelayakan Akademik	Frekuensi	Peratus (%)
SPM	38	25.3
Diploma	60	40.0
Sarjana Muda	31	20.7
Sarjana	21	14.0
Jumlah	150	100.0

4.2.4 Kursus Perakaunan

Bilangan responden yang telah atau pernah menghadiri kursus dalam bidang perakaunan iaitu sama ada di pusat pengajian tinggi atau menerusi latihan di pusat latihan tentera hanya 47 orang (31.3%). Selebihnya seramai 103 orang atau 68.7% tidak pernah mengikuti latihan atau kursus perakaunan secara formal. Jadual 4.5 menunjukkan taburan responden mengikut penyertaan kursus perakaunan.

Jadual 4.5 : Frekuensi Penyertaan Kursus Perakaunan

Kehadiran Kursus Akaun	Frekuensi	Peratus (%)
Tidak	103	68.7
Ya	47	31.3
Jumlah	150	100.0

4.3 KAWALAN DALAMAN

Empat kategori soalan yang berkaitan dengan sub-sistem kawalan dalaman telah dikemukakan kepada responden di dalam soal selidik. Setiap kategori soalan mengandungi beberapa senario atau soalan yang bertujuan untuk menilai kefahaman ke atas sistem kawalan dalaman iaitu (1) kawalan dalaman am, enam soalan, (2) kawalan penerimaan wang, tiga soalan (3) kawalan pengeluaran wang, enam soalan dan (4) kawalan penyesuaian sebanyak lima soalan. Semua soalan diukur menggunakan skala Likert 7-mata. Kesemua kategori statistik deskriptif seperti bilangan minimum,

maksimum, min dan sisihan piawai diperolehi bagi mengukur taburan pembolehubah tersebut. Keputusan ujian seperti Jadual 4.6.

Jadual 4.6 : Statistik Deskriptif Kawalan Dalaman

Kawalan Dalaman	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
kawalan am	150	30	41	32.42	3.192
penerimaan wang	150	13	21	15.81	2.147
pengeluaran wang	150	24	40	32.52	4.180
penyesuaian	150	23	35	26.32	2.650
total	150	91	136	107.0733	11.66253

Keputusan menunjukkan bahawa bagi *kawalan am*, jumlah min yang diperolehi (32.42) adalah melebihi daripada mata pertengahan (24) bagi kategori tersebut. Ini menunjukkan bilangan responden yang memahami aspek kawalan am adalah tinggi. Bagi kategori penerimaan wang di mana jumlah min 15.81 yang diperolehi adalah melebihi daripada mata pertengahan iaitu 12. Begitu juga bagi kategori pengeluaran wang, jumlah min 32.52 melebihi mata pertengahan 24. Kategori penyesuaian pula min yang diperolehi 26.32 adalah melebihi dari mata pertengahan 20 yang ditetapkan. Jumlah min yang diperolehi bagi keseluruhan kategori (107.07) adalah melebihi dari mata pertengahan (80) bagi semua jumlah kategori. Hasil daripada statistik deskriptif memaparkan walaupun terdapat responden yang menilai kawalan dalaman pada tahap rendah, namun secara puratanya tahap kefahaman responden ke atas sistem kawalan dalaman adalah baik.

4.4 UJIAN KEESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN

Dalam kajian ini, soal selidik dan instrumen adalah alat yang merupakan sumber utama data yang dianalisis untuk menjawab persoalan ataupun hipotesis kajian. Item-item di dalam instrumen ini kemudian diuji keesahan dan kebolehpercayaannya dalam kajian perintis (pilot study) dengan menggunakan sampel yang serupa dengan sampel kajian yang sebenarnya. Set kajian yang dibentuk ini telah diuji dalam satu ujian rintis atau *Pilot Test* ke atas 20 orang responden yang relevan. Skor Coeficient Alpha bagi ujian ini, mengikut pembolehubah adalah dalam lingkungan 0.88 ke 0.96 (kawalan am, 0.953; penerimaan wang, 0.881; pengeluaran wang, 0.957 dan penyesuaian, 0.964).

Set instrumen yang sama kemudiannya diajukan kepada 150 orang responden termasuk 20 orang yang dibuat ujian rintis. Hasil daripada jawapan kepada set soalan yang diedarkan kepada 150 responden, mendapati bahawa instrumen ini telah menghasilkan nilai atau skor Coeficient Alpha yang tinggi bagi semua pembolehubah. Keputusan ujian Cronbach's Alpha terperinci adalah melebihi 0.9 (kawalan am, 0.956; penerimaan wang, 0.930; pengeluaran wang, 0.940 dan penyesuaian, 0.926). Ini menunjukkan bahawa instrumen yang digunakan ini mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi dan dapat menghasilkan data yang lebih tepat serta boleh dipercayai. Sakaran (2007) mengatakan skor Coeficient Alpha yang baik adalah melebihi 0.8.

4.5 PENGUJIAN HIPOTESIS

Pengujian hipotesis adalah untuk melihat sejauh manakah untuk menerima hipotesis yang dibentuk. Analisa ANOVA digunakan bagi menentukan sama ada terdapat perbezaan atau tidak terhadap kefahaman ke atas kawalan dalaman bagi Tabung Perkhidmatan di kalangan Pegawai Tentera Darat. Ianya melihat perbezaan bagi setiap pembolehubah iaitu kawalan am, penerimaan wang, pengeluaran wang dan penyesuaian berdasarkan kepada faktor demografi iaitu tempoh perkhidmatan, pangkat, kelayakan akademik dan penyertaan di dalam kursus perakaunan. Hasil ujian di bawah menunjukkan penemuan bagi hipotesis **H1**, **H2**, **H3** dan **H4**.

4.5.1 H1 : *Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan seseorang pegawai.*

Jadual 4.7 menunjukkan keputusan ujian ANOVA yang dilakukan ke atas pembolehubah tempoh perkhidmatan terhadap aspek kawalan dalaman. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah kawalan dalaman di kalangan pegawai TD berdasarkan tempoh perkhidmatan yang berbeza. Ujian Scheffe juga dibuat untuk menentukan perbezaan dalam setiap kumpulan tempoh khidmat.

Jadual 4.7 : Ujian ANOVA Terhadap Tempoh Khidmat Dan Aspek Kawalan Dalaman

ANOVA

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
penyesuaian	Between Groups	550.470	5	110.094	31.952	.000
	Within Groups	496.170	144	3.446		
	Total	1046.640	149			
penerimaan wang	Between Groups	346.945	5	69.389	29.403	.000
	Within Groups	339.828	144	2.360		
	Total	686.773	149			
kawalan am	Between Groups	813.628	5	162.726	33.242	.000
	Within Groups	704.912	144	4.895		
	Total	1518.540	149			
pengeluaran wang	Between Groups	1739.323	5	347.865	57.970	.000
	Within Groups	864.117	144	6.001		
	Total	2603.440	149			

a. Kawalan Am Ke Dan Tempoh Khidmat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah kawalan am di kalangan pegawai TD berdasarkan tempoh perkhidmatan yang berbeza, ($F_{5,144} = 33.24$, $p < .05$) di Jadual 4.7. Ujian Scheffe di Jadual 4.8 pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan tempoh perkhidmatan bagi pembolehubah Kawalan Am. Kumpulan pegawai yang telah berkhidmat dari 26 tahun ke atas mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi ($F=38.67$), manakala pegawai yang berkhidmat 5 tahun ke bawah dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah ($F=30.26$).

Jadual 4.8 : Ujian Scheffe Ke Atas Kawalan Am Dan Tempoh Khidmat

Aspek Kawalan Am					
	tempoh khidmat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	5 tahun ke bawah	31	30.26		
	11-15 tahun	37	31.35		
	6-10 tahun	42	31.64		
	16-20 tahun	22		34.41	
	21-25 tahun	12			37.25
	26 tahun ke atas	6			38.67
	Sig.		.684	1.000	.662

b. Penerimaan Wang Dan Tempoh Khidmat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Penerimaan Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan tempoh perkhidmatan yang berbeza, ($F_{5,144} = 29.40$, $p < .05$) di Jadual 4.7. Ujian Scheffe di Jadual 4.9 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan tempoh perkhidmatan bagi pembolehubah Penerimaan Wang. Kumpulan pegawai yang telah berkhidmat dari 26 tahun ke atas mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi (19.67), manakala pegawai yang berkhidmat 5 tahun ke bawah dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah (14.10).

Jadual 4.9 : Ujian Scheffe Ke Atas Penerimaan Wang Dan Tempoh Khidmat

Aspek Penerimaan Wang					
	tempoh khidmat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	5 tahun ke bawah	31	14.10		
	11-15 tahun	37	15.14	15.14	
	6-10 tahun	42	15.64	15.64	
	16-20 tahun	22		16.91	
	21-25 tahun	12			19.00
	26 tahun ke atas	6			19.67
	Sig.			.162	.067

c. Pengeluaran Wang Dan Tempoh Khidmat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Pengeluaran Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan tempoh perkhidmatan yang berbeza, ($F_{5,144} = 57.97, p < .05$) di Jadual 4.7. Jadual 4.10 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan tempoh perkhidmatan bagi pembolehubah Pengeluaran Wang. Kumpulan pegawai yang telah berkhidmat dari 26 tahun ke atas mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang berkhidmat 5 tahun ke bawah dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah.

Jadual 4.10 : Ujian Scheffe Ke Atas Pengeluaran Wang Dan Tempoh Khidmat

Aspek Pengeluaran Wang						
	tempoh khidmat	N	Subset for alpha = 0.05			
			1	2	3	4
Scheffe ^a	5 tahun ke bawah	31	27.84			
	11-15 tahun	37		31.73		
	6-10 tahun	42		32.10		
	16-20 tahun	22			35.86	
	21-25 tahun	12				38.92
	26 tahun ke atas	6				39.50
	Sig.			1.000	.999	1.000

d. Penyesuaian Dan Tempoh Khidmat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Penerimaan Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan tempoh perkhidmatan yang berbeza, ($F_{5,144} = 31.95$, $p < .05$) di Jadual 4.7. Kumpulan pegawai yang telah berkhidmat dari 26 tahun ke atas mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang berkhidmat 5 tahun ke bawah dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah sepertimana di Jadual 4.11.

Jadual 4.11 : Ujian Scheffe Ke Atas Penyesuaian Dan Tempoh Khidmat

Aspek Penyesuaian					
	tempoh khidmat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	5 tahun ke bawah	31	24.45		
	11-15 tahun	37	25.49	25.49	
	6-10 tahun	42	25.81	25.81	
	16-20 tahun	22		27.68	

	21-25 tahun	12			30.33
	26 tahun ke atas	6			31.67
	Sig.		.518	.056	.539

Keputusan ujian-ujian di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kefahaman berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan seseorang pegawai. Oleh itu kajian ini telah menerima hipotesis **H1**.

4.5.2 H2 : Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada pangkat seseorang pegawai.

Keputusan ujian ANOVA yang dilakukan ke atas pembolehubah pangkat terhadap aspek kawalan dalaman ditunjukkan dalam Jadual 4.12. Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah kawalan dalaman di kalangan pegawai TD berdasarkan pangkat yang berbeza. Ujian Scheffe dibuat untuk menentukan perbezaan dalam setiap kumpulan pembolehubah pangkat.

Jadual 4.12 : Ujian ANOVA Terhadap Pangkat Dan Aspek Kawalan Dalaman

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
penyesuaian	Between Groups	433.177	3	144.392	34.364	.000
	Within Groups	613.463	146	4.202		
	Total	1046.640	149			
penerimaan wang	Between Groups	259.648	3	86.549	29.584	.000
	Within Groups	427.126	146	2.926		
	Total	686.773	149			

kawalan am	Between Groups	660.018	3	220.006	37.414	.000
	Within Groups	858.522	146	5.880		
	Total	1518.540	149			
pengeluaran wang	Between Groups	1643.543	3	547.848	83.327	.000
	Within Groups	959.897	146	6.575		
	Total	2603.440	149			

a. Kawalan Am Dan Pangkat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah kawalan am di kalangan pegawai TD berdasarkan Pangkat yang berbeza, ($F_{3,146} = 37.41$, $p < .05$) di Jadual 4.12. Ujian Scheffe menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan Pangkat bagi pembolehubah Kawalan Am. Kumpulan pegawai yang berpangkat Lt Kol dan Kol mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi (37.41), manakala pegawai yang berpangkat Lt/M dan Lt dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah (30.05) sepertimana ujian Scheffe yang dibuat di Jadual 4.13.

Jadual 4.13 : Ujian Scheffe Ke Atas Kawalan Am Dan Pangkat

Aspek Kawalan Am					
	pangkat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	LtM/Lt	20	30.05		
	Kapt	71	31.32		
	Mej	42		33.38	
	Lt Kol/Kol	17			37.41
	Sig.			.292	1.000

b. Penerimaan Wang Dan Pangkat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Penerimaan Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan Pangkat yang berbeza, ($F_{3,146} = 29.58, p < .05$) di Jadual 4.12. Ujian Scheffe di Jadual 4.14 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan Pangkat bagi pembolehubah Penerimaan Wang. Kumpulan pegawai berpangkat Lt Kol dan Kol mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi (18.82), manakala pegawai yang berpangkat Lt/M dan Lt dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah (13.80).

Jadual 4.14 : Ujian Scheffe Ke Atas Penerimaan Wang Dan Pangkat

Aspek Penerimaan Wang					
	pangkat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	LtM/Lt	20	13.80		
	Kapt	71		15.37	
	Mej	42		16.31	
	Lt Kol/Kol	17			18.82
	Sig.			1.000	.251

c. Pengeluaran Wang Dan Pangkat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Pengeluaran Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan Pangkat yang berbeza, ($F_{3,146} = 83.33, p < .05$) di Jadual 4.12. Ujian Scheffe di Jadual 4.15 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan

di antara kumpulan Pangkat bagi pembolehubah Pengeluaran Wang. Kumpulan pegawai yang berpangkat Lt Kol dan Kol mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang berpangkat Lt/M dan Lt dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah.

Jadual 4.15: Ujian Scheffe Ke Atas Pengeluaran Wang Dan Pangkat

Aspek Pengeluaran Wang						
	pangkat	N	Subset for alpha = 0.05			
			1	2	3	4
Scheffe ^a	LtM/Lt	20	26.25			
	Kapt	71		31.69		
	Mej	42			34.38	
	Lt Kol/Kol	17				38.76
	Sig.			1.000	1.000	1.000

d. Penyesuaian Dan Pangkat

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah penyesuaian di kalangan pegawai TD berdasarkan Pangkat yang berbeza, ($F_{3,146} = 34.36$, $p < .05$) di Jadual 4.12. Ujian Scheffe di Jadual 4.16 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan Pangkat bagi pembolehubah Penyesuaian. Kumpulan pegawai yang berpangkat Lt Kol dan Kol mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang berpangkat Lt/M dan Lt dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah.

Jadual 4.16 : Ujian Scheffe Ke Atas Penyesuaian Dan Pangkat

Aspek Penyesuaian					
	pangkat	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	LtM/Lt	20	24.00		
	Kapt	71		25.61	
	Mej	42		27.02	
	Lt Kol/Kol	17			30.29
	Sig.		1.000	.093	1.000

Keputusan ujian-ujian di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kefahaman berdasarkan kepada pangkat seseorang pegawai. Oleh itu kajian ini telah menerima hipotesis **H2**.

4.5.3 H3 : Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kelayakan akedemik seseorang pegawai.

Jadual 4.17 menunjukkan keputusan ujian ANOVA yang dilakukan ke atas pembolehubah kelayakan akedemik terhadap aspek kawalan dalaman. Keputusan menunjukkan terdapat perbezaan bagi pembolehubah kawalan dalaman di kalangan pegawai TD berdasarkan kelayakan akedemik yang berbeza.

Jadual 4.17: Ujian ANOVA Terhadap Aspek Kawalan Dalam Dan Kelayakan Akademik

		Sum of Squares	df	Mean Square	F	Sig.
penyesuaian	Between Groups	338.600	3	112.867	23.273	.000
	Within Groups	708.040	146	4.850		
	Total	1046.640	149			
penerimaan wang	Between Groups	205.160	3	68.387	20.731	.000
	Within Groups	481.614	146	3.299		
	Total	686.773	149			
kawalan am	Between Groups	501.133	3	167.044	23.971	.000
	Within Groups	1017.407	146	6.969		
	Total	1518.540	149			
pengeluaran wang	Between Groups	1075.987	3	358.662	34.282	.000
	Within Groups	1527.453	146	10.462		
	Total	2603.440	149			

a. Kawalan Am Dan Kelayakan Akademik

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah kawalan am di kalangan pegawai TD berdasarkan Kelayakan Akademik yang berbeza, ($F_{3,146} = 23.97$, $p < .05$). Ujian Scheffe menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kelayakan akademik bagi pembolehubah Kawalan Am. Kumpulan pegawai yang berkelulusan Sarjana atau setaraf mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang mempunyai kelayakan SPM dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah seperti di Jadual 4.18.

Jadual 4.18: Ujian Scheffe Ke Atas Kawalan Am Dan Kelayakan Akedemik

Aspek Kawalan Am					
	kelayakan akademik	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	SPM	38	30.50		
	Sarjana Muda	31	31.74	31.74	
	Diploma	60		32.57	
	Sarjana	21			36.48
	Sig.			.312	.663

b. Penerimaan Wang Dan Kelayakan Akedemik

Terdapat perbezaan bagi pembolehubah Penerimaan Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan Kelayakan Akademik yang berbeza, ($F_{3,146} = 20.73$, $p < .05$) di Jadual 4.17. Ujian Scheffe di Jadual 4.19 menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kelayakan akademik bagi pembolehubah Penerimaan Wang. Kumpulan pegawai yang berkelulusan Sarjana atau setaraf mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang mempunyai kelayakan SPM dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah.

Jadual 4.19 : Ujian Scheffe Ke Atas Penerimaan Wang Dan Kelayakan Akedemik

Aspek Penerimaan Wang					
	kelayakan akademik	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	SPM	38	14.39		
	Sarjana Muda	31	15.52	15.52	
	Diploma	60		16.02	

	Sarjana	21			18.24
	Sig.		.107	.745	1.000

c. Pengeluaran Wang Dan Kelayakan Akedemik

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah Pengeluaran Wang di kalangan pegawai TD berdasarkan Kelayakan Akademik yang berbeza, ($F_{3,146} = 34.28$, $p < .05$) sepertimana di Jadual 4.17. Ujian Scheffe di Jadual 4.20 pula menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kelayakan akademik bagi pembolehubah Pengeluaran Wang. Kumpulan pegawai yang berkelulusan Sarjana atau setaraf mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang mempunyai kelayakan SPM dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah.

Jadual 4.20 : Ujian Scheffe Ke Atas Pengeluaran Wang Dan Kelayakan Akedemik

Aspek Pengeluaran Wang					
	kelayakan akademik	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	SPM	38	29.00		
	Sarjana Muda	31		32.10	
	Diploma	60		33.13	
	Sarjana	21			37.76
	Sig.		1.000	.644	1.000

d. Penyesuaian Dan Kelayakan Akedemik

Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pembolehubah penyesuaian di kalangan pegawai TD berdasarkan Kelayakan Akademik yang berbeza, ($F_{3,146} = 23.27, p < .05$) seperti di Jadual 4.17. Ujian Scheffe menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara kumpulan kelayakan akademik bagi pembolehubah penyesuaian. Kumpulan pegawai yang berkelulusan Sarjana atau setaraf mempunyai tahap kefahaman yang paling tinggi, manakala pegawai yang mempunyai kelayakan SPM dilihat mempunyai tahap kefahaman terendah seperti di Jadual 4.21.

Jadual 4.21 : Ujian Scheffe Ke Atas Penyesuaian Dan Kelayakan Akedemik

Aspek Penyesuaian					
	kelayakan akademik	N	Subset for alpha = 0.05		
			1	2	3
Scheffe ^a	SPM	38	24.61		
	Sarjana Muda	31	25.97	25.97	
	Diploma	60		26.45	
	Sarjana	21			29.57
	Sig.			.106	.854

Keputusan ujian-ujian di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kefahaman berdasarkan kepada kelayakan akedemik seseorang pegawai. Oleh itu kajian ini telah menerima hipotesis **H3**.

4.5.4 H4 : Terdapat perbezaan yang signifikan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kursus perakaunan yang pernah seseorang pegawai hadiri.

Ujian-T dilaksanakan bagi menilai tahap kefahaman ke atas sistem kawalan dalaman berdasarkan kepada kehadiran kursus perakaunan. Perbandingan ujian-*t* menunjukkan bahawa bagi kesemua aspek kawalan dalaman terdapat perbezaan yang signifikan di antara pegawai yang telah mengikuti kursus dan tidak menghadiri kursus perakaunan ($p < .05$). Keputusan ujian juga menunjukkan bahawa pegawai yang telah menghadiri kursus perakaunan lebih tinggi kefahaman dalam aspek kawalan dalaman berbanding mereka yang tidak. Jadual 4.22 dan 4.23, menunjukkan perbandingan antara pegawai yang telah mengikuti kursus dan tidak menghadiri kursus perakaunan.

Jadual 4.22: Statistik Kehadiran Kursus Dan Aspek Kawalan Dalaman

Group Statistics

Aspek Kawalan Dalaman	kehadiran kursus	N	Mean	Std. Deviation	Std. Error Mean
penyesuaian	Tidak	103	25.91	2.418	.237
	Ya	47	27.24	2.938	.433
penerimaan wang	Tidak	103	15.49	2.053	.201
	Ya	47	16.54	2.198	.324
kawalan am	Tidak	103	31.87	2.890	.283
	Ya	47	33.67	3.509	.517
pengeluaran wang	Tidak	103	31.70	4.154	.407
	Ya	47	34.37	3.648	.538

Jadual 4.23: Ujian – T Ke Atas Kehadiran Kursus Perakaunan Dan Aspek Kawalan Dalaman

		Levene's Test for Equality of Variances		t-test for Equality of Means						
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference	
									Lower	Upper
penyesuaian	Equal variances assumed	8.111	.005	-2.894	148	.004	-1.326	.458	-2.231	-.420
	Equal variances not assumed			-2.685	73.140	.009	-1.326	.494	-2.310	-.342
penerimaan wang	Equal variances assumed	.896	.345	-2.835	148	.005	-1.053	.371	-1.787	-.319
	Equal variances not assumed			-2.760	81.138	.007	-1.053	.382	-1.812	-.294
kawalan am	Equal variances assumed	3.561	.061	-3.304	148	.001	-1.809	.547	-2.890	-.727
	Equal variances not assumed			-3.066	73.169	.003	-1.809	.590	-2.984	-.633
pengeluaran wang	Equal variances assumed	.403	.527	-3.760	148	.000	-2.668	.710	-4.070	-1.265
	Equal variances not assumed			-3.954	97.441	.000	-2.668	.675	-4.007	-1.329

Keputusan ujian-ujian di atas menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap kefahaman berdasarkan kepada penyertaan kursus perakaunan seseorang pegawai. Kajian ini telah menerima hipotesis **H4**.

4.6 KESIMPULAN

Bab ini melaporkan penemuan-penemuan kajian hasil daripada analisa data dan ujian statistik menggunakan program SPSS version 16.0. Interpretasi data dan penemuan kajian dilaporkan mengikut ujian statistik iaitu ujian deskriptif dan inferensi iaitu ANOVA, Scheffe dan ujian-*t*. Kesemua penemuan kajian adalah seperti di Jadual 4.24 di bawah. Hasil ujian yang

dilakukan telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara setiap pembolehubah tempoh khidmat, pangkat, kelayakan akademik dan penyertaan kursus perakaunan terhadap aspek kawalan dalaman.

Jadual 4.24 : Ringkasan Keputusan Ujian Hipotesis

	Hipotesis Kajian	Keputusan
H1	Terdapat perbezaan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan seseorang pegawai.	Diterima
H2	Terdapat perbezaan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada pangkat seseorang pegawai.	Diterima
H3	Terdapat perbezaan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kelayakan akademik seseorang pegawai.	Diterima
H4	Terdapat perbezaan di dalam tahap kefahaman kawalan dalaman berdasarkan kepada kursus perakaunan yang pernah seseorang pegawai hadiri.	Diterima